



04 APR, 2025

115 pemilik dibenar pulang berperingkat periksa rumah

Berita Harian, Malaysia



Penduduk membawa keluar barangan untuk digunakan selepas memeriksa kediaman di Taman Putra Harmoni, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

115 pemilik dibenar pulang berperingkat periksa rumah

Kuala Lumpur: Pemilik 115 rumah yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, pada Selasa lalu dibenarkan memeriksa sendiri kediaman masing-masing secara berperingkat semalam.

Pegawai Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed, berkata fasa pertama membabitkan 41 pemilik rumah di Jalan 1/3A, yang dibenarkan masuk mulai jam 9.30 pagi bagi melihat keadaan rumah, termasuk pendawaian elektrik.

"Sekiranya pendawaian berada di dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disalurkan semula. Jika pemeriksaan inventori mengesahkan keadaan kediaman selamat, penduduk akan dibenarkan kembali menetap di kediaman mereka," ka-

tanya, semalam.

Beliau berkata, selepas fasa pertama membabitkan 41 rumah selesai, fasa kedua dan ketiga akan dilaksanakan.

Tinjauan mendapati penduduk hadir seawal jam 8 pagi seperti ditetapkan pihak berkuasa.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisyoner Wan Azlan Wan Mamat, memaklumkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah menjalankan pemeriksaan akhir pendawaian di semua 115 rumah.

JBPM melaksanakan semakan



Huzunul Khaidil

inventori di kediaman yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas itu dan mendapati semua kediaman mungkin dalam keadaan baik serta dipercayai selamat untuk diduduki.

Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS) mengesahkan kebakaran pada jam 8.10 pagi Selasa lalu berlaku di saluran paip utama

milik Petronas Gas Bhd (PGB).
Kebakaran saluran paip gas itu mengambil masa hampir lapan jam dipadamkan sepenuhnya dan menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter dengan keluasan kira-kira 21 x 24 meter di tempat kejadian.
BERNAMA